Headline	Mana pampasan kami?		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	739 cm²	Journalist	AZMA KHAIRUL
PR Value	RM 44,220		

Tanah milik 11 peneroka Felda Raja Alias 2 diambil untuk bina pencawang elektrik

Mana pampasan kami?

AZMA KHAIRUL AZHAR
kota@utusangroup.com.my

■ **JEMPOL 4 SEPT**

ISU RAKYAT

SEBANYAK 11 peneroka di Felda Raja Alias 2 di sini menuntut pampasan selepas sebahagian tanah mereka diambil bagi pembinaan pencawang elektrik sejak tahun 2015.

Kumpulan peneroka terbabit mendakwa, mereka tidak dimaklumkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau Felda mengenai perkara itu malah tidak pernah menerima notis berhubung pengambilan tanah atau pampasan yang sepatutnya diterima.

Anak salah seorang peneroka, Dr. Hanafi Yahya berkata, setiap peneroka terbabit kehilangan antara 0.52 hektar hingga 1 hektar tanah bagi pembinaan pencawang elektrik selain hilang hasil tuaian kelapa sawit di atas tanah terbabit sejak tiga tahun lalu.

"Kami minta TNB, Felda dan Pejabat Tanah Daerah Jempol menyelesaikan isu ini dengan segera. Dalam tempoh tiga tahun, tiga peneroka yang terbabit telah pun meninggal dunia dan tidak sempat menerima pampasan daripada tanah yang diteroka dengan titik peluh mereka.

"Kami minta supaya TNB menghentikan projek pembinaan pencawang di atas tanah peneroka buat sementara waktu sehingga isu pampasan ini diselesaikan.

"Kami tidak menentang projek ini tetapi mahu menuntut hak peneroka yang sebahagian besarnya adalah warga emas," katanya semasa perhimunan warga peneroka di Felda Raja Alias 2 di sini baru-baru ini.

Tanah peneroka terbabit diambil alih bagi projek pembinaan talian penghantaran dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Yong Peng di Johor ke Lenggeng, Seremban.

Dr. Hanafi mendakwa, beliau difahamkan bahawa peneroka di Felda Pasoh dan Palong dekat sini yang terlibat dalam pengambilan tanah oleh TNB telah menerima bayaran pampasan kira-kira dua tahun lalu tanpa sebarang masalah.

Katanya, walaupun beliau dimaklumkan TNB telah membuat bayaran pampasan kepada kumpulan peneroka Felda Raja Alias 2 melalui pihak berkuasa namun mereka masih belum jelas tentang jumlah dan bila pembayaran akan dibuat.

"Situasi ini tidak adil kepada peneroka kerana mereka masih belum mendapat wang di tangan mereka sedangkan tanah telah diambil dan pencawang telah dibina.

"Selain itu pihak yang terlibat juga gagal mengeluarkan sebarang surat yang boleh kami jadikan sebagai rujukan dalam isu pampasan ini," katanya.

Sementara itu, seorang peneroka, Mohd. Nasir Abdullah, 61, berkata, dia hanya menuntut hak selepas lebih tiga tahun tanahnya diambil tanpa sebarang pemberitahuan.

"Pokok-pokok kelapa sawit kami dicabut untuk bina pencawang tetapi tiada pampasan daripada TNB sehingga kini.

"Saya harap akan ada maklum balas daripada pihak yang berkenaan bagi menyelesaikan isu pampasan tanah ini," katanya.

Mohd. Nasir berkata, sebagai menuntut keadilan dalam tuntutan kumpulan peneroka Felda Raja Alias 2, satu laporan polis mengenai perkara itu telah dilakukan di Balai Polis Bandar Seri Jempol pada 23 Ogos lalu.

Powered by: iSENTIA

Headline	Mana pampasan kami?		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	739 cm²	Journalist	AZMA KHAIRUL
PR Value	RM 44,220		



"Kami minta TNB, Felda dan Pejabat Tanah Daerah Jempol menyelesaikan isu ini dengan segera. Dalam tempoh tiga tahun lalu, tiga peneroka yang terbabit telah pun meninggal dunia dan tidak sempat menerima pampasan daripada tanah yang diteroka dengan titik peluh mereka."

DR. HANAFI YAHYA
Anak peneroka

Powered by: iSENTIA

Headline	Mana pampasan kami?		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	739 cm²	Journalist	AZMA KHAIRUL
PR Value	RM 44,220		

DR. HANAFI YAHYA (tengah) bersama penduduk menuntut TNB dan kerajaan negeri menyelesaikan isu pampasan bagi pengambil alihan tanah untuk pembinaan pencawang elektrik di Felda Raja Alias 2, Jempol, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Powered by: iSENTIA